

Modal insan wanita terus diperkasa – Abdullah

Kaum wanita akan terus diberi peluang belajar ke peringkat tinggi, memegang jawatan tinggi termasuk ketua setiausaha kementerian dan ketua pengarah jabatan kerajaan

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

KEPALA BATAS 23 Julai - Kerajaan akan terus memperkasa modal insan golongan wanita di negara ini dengan menyediakan peluang pendidikan dan kerjaya lebih luas bagi membolehkan mereka memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, ini penting kerana wanita adalah sumber modal insan yang besar dan tidak boleh diketepikan berikutan bilangan mereka yang hampir menyamai kaum lelaki.

"Kaum wanita akan terus diberi peluang belajar ke peringkat tinggi, diberi peluang memegang jawatan tinggi termasuk ketua setiausaha kementerian dan ketua pengarah di jabatan kerajaan serta menjadi golongan profesional dalam pelbagai bidang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Karnival Nur Kebangsaan 2006: Wanita Sihat dan Cergas Sepanjang Hayat anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Turut hadir Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Pulau Pinang, Datuk Jahara Hamid.

Abdullah turut menyuarakan rasa gembiranya dengan kemampuan golongan wanita menjawat jawatan tinggi dalam kerajaan ketika ini yang semakin bertambah berbanding sebelum ini.

"Sekarang ketua pengarah dan pegawai juga daripada kalangan wanita, kalau dahulu semua jawatan itu diisi oleh lelaki," katanya.

Menurutnya, bidang profesional dan teknikal mungkin akan lebih banyak diisi oleh wanita pada masa depan berikutan jumlah pelajar wanita pada waktu ini yang melebihi pelajar lelaki.

Justeru, Perdana Menteri berkata, golongan wanita mempunyai potensi besar memberi sumbangan secara aktif kepada pembangunan negara di samping menunaikan tanggungjawab kepada keluarga.

Cergas

"Pada masa sama, kerajaan juga mahu wanita menjadi golongan yang sihat walafiat, cergas dan ceria ketika bertugas serta bersama anak-anak dan suami pun mesti sihat dan ceria juga," katanya.

Beliau berkata, kekuatan semangat bekerja mudah dibina apabila masyarakat khususnya kaum wanita mengamalkan aktiviti kesukanan yang memberi penekanan kepada kekuatan mental, kesihatan fizikal serta semangat juang secara berpasukan yang tinggi.

Beliau menarik perhatian bahawa wanita memberi pengaruh besar dalam institusi keluarga terutama penjagaan kesihatan dengan menjadi teladan baik kepada anggota keluarga.

"Apa yang biasa berlaku apabila isteri rajin bersukan, semua ahli keluarga akan rajin bersukan, maka ini penting untuk memberi kesihatan fizikal dan minda yang baik untuk melakukan pelbagai aktiviti dengan lebih baik," katanya.